

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N24 KEBUN BUNGA

Terima kasih kepada Dato' Yang Di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Izinkan saya membangkitkan beberapa isu yang memerlukan perhatian dewan yang mulia ini serta diambil tindakan segera bagi menyelesaikannya:-

Isu Pokok Tumbang

Kejadian pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur pada 07 Mei 2024 yang telah meragut nyawa seorang warga lelaki tempatan dan insiden sebatang pokok besar tumbang di Jalan Macalister, berhampiran Island Hospital Pulau Pinang ketika hujan lebat pada 11 Mei yang lepas tidak boleh dipandang remeh. Ribut serta hujan lebat sering berlaku hampir setiap hari di negeri Pulau Pinang kebelakangan ini. Sekitar negeri Pulau Pinang terutamanya kawasan Kebun Bunga mempunyai banyak pohon pokok yang berusia tinggi dan mempunyai risiko tinggi untuk tumbang sekiranya ditiup angin kencang ataupun sewaktu hujan lebat. Sekiranya pokok yang besar tumbang ke atas kereta ataupun rumah, ianya akan mengakibatkan kerugian harta dan berkemungkinan meragut nyawa. Tindakan segera perlu diambil untuk mengelakkan tragedi sebegini daripada berulang. Pengenalpastian pokok mereput dan berisiko tinggi untuk tumbang serta langkah susulan perlu diambil untuk menyelesaikan isu ini. Struktur dalaman batang pokok perlu diperiksa supaya keselamatan orang awam terjamin. Huraikan tindakan kerajaan negeri dalam menangani masalah ini.

(a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menebang pokok tersebut atau memindahkan pokok tersebut ke kawasan lain?

(b) Sekiranya ditebang adakah penanaman semula pokok akan dilaksanakan untuk memastikan kelestarian alam sekitar terutamanya di kawasan Kebun Bunga terpelihara?

(c) Berapakah tempoh yang akan diambil untuk menangani masalah tersebut?

Isu Pengangkutan Awam

Pengangkutan hijau seperti kenderaan elektrik dan kenderaan hidrogen merupakan kenderaan yang menggunakan sumber boleh baharu dan lebih mesra alam. Untuk makluman dewan, pengangkutan awam yang digunakan di negeri Pulau Pinang pada zaman sekarang iaitu hampir 250 buah bas Rapid Penang yang sedang beroperasi telah uzur dan mengeluarkan asap kenderaan yang mencemarkan udara. Pengangkutan awam seperti bas elektrik atau bas hidrogen dapat memastikan kelestarian sumber dan lebih mesra alam. Adakah kerajaan negeri Pulau Pinang bercadang memperkenalkan pengangkutan hijau sebagai pengangkutan awam di sekitar negeri di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang?

(a) Berapakah kos dan peruntukan yang dianggarkan untuk melaksanakan inisiatif tersebut?

(b) Apakah inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam terutamanya oleh penduduk negeri Pulau Pinang?

Saya ingin mendapatkan penjelasan Kerajaan Pulau Pinang atas beberapa isu tersebut.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama terbaik bagi melancarkan kerja membantu dan membela nasib rakyat. Saya yakin dengan semangat kerja yang profesional akan menjurus ke arah Penang2030 Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Sekian.

Sim Wooi Siang

N24 Kebun Bunga

Sidang Muda 2024